



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel : 03-8884 6077
Fax : 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(BS-DSR)8787/002/1/Jld.3(3)
7 Januari 2008

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/2008 KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN DWIBAHASA BAGI MATA PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan mengenai pindaan kepada pelaksanaan dasar pengajaran dan pembeajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris seperti yang dinyatakan melalui perkara **6.3 Surat Pekeliling Bil. 11/2002 dan perkara 6:2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/2002.**

2. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa kertas soalan mata pelajaran Sains dan Matematik bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) berikut:

- 2.1 Sekolah Kebangsaan (SK)
Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia
- 2.2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)
Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina
- 2.3 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)
Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil

3. Bagi semua peperiksaan awam sekolah menengah, kertas soalan Sains, Matematik dan mata-mata pelajaran lain yang berasaskan Sains dan Matematik juga akan terus disediakan dalam dwibahasa. Calon dibenarkan menjawab sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sepenuhnya atau sebahagian dalam Bahasa Malaysia dan sebahagian dalam Bahasa Inggeris seperti mana yang diamalkan ketika ini.

Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Gabungan/Daerah, Pengetua-Pengetua dan Guru-Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD.DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Y.B. Dato' Seri Hishammuddin Tun Husein
Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. Y.B. Dato' Hj. Noh bin Omar
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Y.B. Datin Paduka Komala Devi
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha,
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
Kementerian Pelajaran Malaysia
8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran Malaysia
9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
10. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Pegawai Perhubungan Awam, Kementerian Pelajaran Malaysia

